

Perkasa kemahiran keusahawanan pelajar sekolah, universiti

Disember 19, 2020 @ 11:00am

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/12/766693/perkasa-kemahiran-keusahawanan-pelajar-sekolah-universiti>



PELAJAR sekolah dan universiti perlu diterapkan dengan aplikasi kemahiran perniagaan sebenar bagi melahirkan usahawan berjaya pada masa depan.

Tahun 2020 bakal menutup tirai, namun kesan pandemik COVID-19, terutama terhadap ekonomi negara semakin parah.

Rentetan itu, sejumlah 800,000 orang kehilangan pekerjaan seperti dilaporkan BH pada 31 Oktober lalu.

Masalah sosial juga meningkat mendadak dengan pelbagai berita kemasyarakatan yang menggemparkan seperti kes rogol, rompak dan membunuh.

Umum kita tahu, masalah sosial juga berkait rapat dengan ketidakstabilan ekonomi negara mahupun individu yang terkesan.

Namun, di sebalik kisah duka, terdapat juga kisah kejayaan hasil daripada mereka yang tidak kenal erti putus asa walaupun kehilangan kerja.

Kebanyakan mereka memilih untuk membuka perniagaan segera seperti kecekalan seorang juruterbang yang menjual mi kari dan jurutera yang menjual minuman berasaskan kopi.

Walaupun mempunyai ijazah dan kemahiran yang jauh daripada perniagaan dan keusahawanan, bidang inilah yang menyelamatkan mereka untuk menampung ekonomi diri dan keluarga pada ketika ini.

Kesedaran ini tidak boleh dipandang enteng oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Kewajipan mempelajari dan memperkasa perniagaan dan keusahawanan perlu diterap dalam semua bidang sama ada sains sosial mahupun sains teknologi.

Belajar menelaah dan menghafaz asas bidang perniagaan mengikut buku teks juga sudah tidak relevan lagi.

Sudah masanya, pelajar sekolah mahupun universiti diperkasakan dengan kemahiran dan aplikasi perniagaan sebenar sehingga mampu menjana pendapatan dan menjadi usahawan terbilang.

Ya, kita perlu mendidik mereka untuk menjadi usahawan yang mampu mengilhamkan produk dan perkhidmatan yang berinovasi, berani mengambil risiko sehingga mampu membuka peluang pekerjaan kepada orang lain.

Selain itu, kolaborasi antara pelajar dan usahawan juga penting bagi mempelajari ilmu secara terus dan nyata.

Perkongsian dan pengalaman berharga daripada barisan usahawan yang sedia berjaya boleh menjadi pemangkin dan inspirasi kepada pelajar.

Bak kata pepatah - hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai - di mana kita perlu mendapatkan ilmu dengan orang yang pakar di dalam bidang berkenaan.

Dengan ini Malaysia mampu melahirkan usahawan dari setiap bidang ilmu dan kemahiran bagi mengatasi keparahan ekonomi tanpa mengharap kepakaran luar.

Dr Arni Munira Markom
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang